

## Kejayaan berganda setelah memenangi acara bola tampar pantai UiTM unggul acara bola tampar sukan staf



● UiTM berjaya menewaskan UniMAPP 3-2 pada Kejohanan Sukan Staf ke-34.

**SHAH ALAM** - Universiti Teknologi Mara (UiTM) sekali lagi mengungguli acara Bola Tampar selepas menjuarai Bola Tampar Pantai Kejohanan Sukan Staf Universiti Malaysia ke-34 anjuran Universiti Malaysia Terengganu.

UiTM berjaya menewaskan Universiti Malaysia Perlis (UniMAPP) 3-2 pada perlawanan akhir sekali gus merampas kembali kejuaan mereka pada kejohanan tahun lalu.

Pengurus Pasukan Bola Tampar, Zulkaffli Mohd Noor berkata, beliau bangga

dengan pencapaian dan komitmen ditunjukkan setiap ahli pasukan merangkul kedua-dua acara itu.

"Ini adalah kejayaan berganda kami setelah memenangi acara bola tampar pantai yang baru dipertandingkan pada tahun ini.

"Kejayaan ini adalah komitmen yang padu dari pemain serta latihan pusat yang di adakan di Kampus UiTM Terengganu yang dikendalikan oleh jurulatih dan juga pemain iaitu Saphri Bakkang yang juga bekas pemain Malaysia

dari UiTM Sabah," katanya.

Sementara itu, pada peringkat awal pertandingan UiTM berjaya menjinakkan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) 2-0, Universiti UTHN (2-0) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) 2-0 sebelum ke peringkat suku akhir menewaskan pasukan tuan rumah Universiti Malaysia Terengganu (UMT) 2-1.

Di peringkat separuh akhir pula mereka berjaya mengalahkan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) 2-0 untuk ke peringkat akhir.